

13 FEB 2003

Mahathir-Hospital/I

GANJARAN LEBIH BAIK SEKTOR SWASTA SATU RINTANGAN HOSPITAL K'JAAN

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan boleh membina hospital-hospital tanpa kertas yang ultra-modern dan lengkap serba-serbinya tetapi ia tidak mampu untuk menandingi ganjaran yang dibayar oleh hospital swasta kepada kakitangannya.

Perdana Menteri berkata kerajaan boleh membeli kesemua peralatan canggih dan ubat-ubatan yang mahal tetapi aspek yang paling mencabar ialah untuk mempunyai kakitangan sampingan.

Rakyat mungkin menganggap kerajaan membina "gajah putih", katanya tetapi sememangnya kerajaan tidak akan dapat menyaingi ganjaran menarik yang ditawarkan sektor swasta.

"Itulah yang menjadi dilema kerajaan. Saya nampak tidak akan ada akhirnya bagi dilema itu kerana semakin ramai doktor yang kita keluarkan, semakin tinggi permintaan bagi khidmat mereka disebabkan taraf kehidupan yang semakin meningkat.

"Masalah itu diburukkan lagi oleh negara-negara lebih kaya yang menawarkan ganjaran yang lebih baik," katanya kepada 750 peserta mesyuarat tahunan ke-11 Persatuan Asia bagi Pembedahan Kardivaskular (ASCVS) di sini hari ini.

Perdana Menteri bagaimanapun gembira bahawa secara keseluruhannya perkhidmatan perubatan di Malaysia telah meningkat dengan begitu hebat sekali dan dalam bidang pembedahan kardiovaskular, negara telah boleh agak berdikari dan dari segi kos, tidak terlalu mahal.

Dr Mahathir, seorang doktor perubatan dari segi profesion, berkata rakyat bernasib baik kerana menikmati kemajuan hebat teknologi dalam bidang perubatan bagaimanapun sentuhan kemanusiaan agak kurang.

Perdana Menteri sendiri seorang pesakit jantung, berkata seorang pakar bedah seharusnya faham atau ada perasaan empati dengan pesakit.

"Beliau mesti faham dengan kebimbangan seorang pesakit dan keluarganya. Beliau perlu secara zahirnya berada di sisi untuk memegang tangannya (pesakit) ketika menjalani pembedahan dan perlu ada di sisi semasa dia sudah sedar dengan memberi kata-kata semangat bahawa semuanya dalam keadaan baik.

"Sentuhan manusia daripada pakar bedah amat penting sekali," katanya.

Mengenai mesyuarat itu, Perdana Menteri berkata para peserta tidak harus hanya memberi penekanan kepada teknik dan pembangunan sains perubatan tetapi turut memberi fokus kepada kebimbangan yang lebih luas terhadap kesihatan masyarakat secara keseluruhannya.

Beliau berkata kesihatan manusia keseluruhannya bukanlah hanya dengan memberi pertimbangan kepada kemajuan dalam pengetahuan mengenai tubuh manusia dan tahap sains dan teknologi perubatan modern, kerana ini bagi kebanyakan manusia kosnya terlalu tinggi.

"Kita dilihat lebih memilih untuk membelanjakan sejumlah besar wang dalam membangunkan cara baru untuk membunuh manusia daripada menyelamatkan mereka, kita tidak dapat menghapuskan Aids, batuk kering, malaria atau sebarang penyakit berjangkit yang melanda dunia membangun kerana terlalu sedikit wang dibelanjakan terhadap penyelidikan untuk merawat atau mencegah penyakit itu," katanya.

Dr Mahathir berkata penyakit-penyakit ini adalah biasa di kalangan golongan miskin yang tidak mampu untuk membayar kos penyelidikan dengan harga tinggi tetapi dari segi lain, sejumlah besar wang diperuntukkan bagi masalah orang kaya yang berminat untuk memelihara kelakian mereka.

"Yang miskin akan reda dengan akhirnya akan hilang dorongan dan lenyap dari pandangan," katanya.

-- BERNAMA

HS AHH RON